

Dari sahabat baik jadi suami isteri

Oleh HAKIMI ISMAIL

SIAPA sangka pertemuan semasa bersama-sama melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam pada tahun 2000 menjadi detik perkenalan antara Isma Mazni Ismail, 32, dan Noraini Ab. Aziz, 32, yang kini sudah bergelar suami isteri.

Mengimbas kembali kenangan tersebut, Isma Mazni yang merupakan guru di Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Universiti, Seri Kembangan, Selangor berkata, semasa di tingkatan enam dia dan Noraini bersahabat baik dan selalu mengulang-kaji pelajaran secara bersama.

Selama dua tahun berada di tingkatan enam Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ketereh, Kota Bharu, Kelantan dia dan Noraini banyak mengenali hati budi masing-masing namun malu untuk meluahkan perasaan masing-masing.

"Kami selalu mengulang-kaji pelajaran bersama selain saling bertukar bahan bacaan. Bagi kami ketika itu, perkara yang penting adalah memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

"Selama dua tahun itu, kami lebih banyak mengenali hati budi masing-masing. Alhamdulillah, kami berjaya memperoleh keputusan cemerlang dalam STPM pada 2002," katanya kepada S2 ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut Isma Mazni, dengan keputusan cemerlang dalam peperiksaan STPM, dia mendapat tawaran melanjutkan pengajian ke Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam jurusan Sains Pengguna manakala, Noraini mendapat tawaran ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam jurusan Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat.

Menurut Isma Mazni, detik percintaan dia dan Noraini bermula semasa mereka

melanjutkan pelajaran ke universiti. Setelah mengenali hati budi masing-masing, kami mula berterus terang dan meluahkan rasa cinta yang terpendam sejak mula bertemu lagi.

"Saya memasuki UPM terlebih dahulu daripada Noraini. Jadi, saya lebih tahu selok-belok persediaan untuk memasuki universiti. Saya banyak membantu dia semasa di UiTM dan di kesempatan itu, saya meluahkan rasa cinta yang terbuku di hati.

"Nampaknya saya tidak bertepuk sebelah tangan kerana Noraini juga menaruh minat kepada saya. Semasa di universiti, kami berjumpa sekali seminggu. Alhamdulillah, percintaan kami langsung tidak mengganggu pelajaran," katanya.

Katanya, walaupun menjalinkan hubungan cinta semasa belajar, dia dan Noraini tidak mengabaikan pelajaran, malah mereka sentiasa bersaing untuk mendapatkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) tertinggi setiap kali peperiksaan.

Selain itu katanya, dia dan Noraini menamatkan pengajian masing-masing pada Disember 2005. Selepas itu, Noraini mendapat tawaran bekerja sebagai Penolong Pegawai Perpustakaan manakala, dia melanjutkan pengajian ke Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Sultan Abdul Halim, Kedah.

"Akibat berjauhan, kami memutuskan untuk mengikat tali pertunangan pada Disember 2006, banyak cabaran yang kami hadapi sepanjang perhubungan, namun sekali pun tidak pernah menggugat

kepercayaan di antara satu sama lain.

"Setelah tamat pengajian, saya memulakan kerjaya dalam bidang perguruan di SK Desa Amanpuri, Kepong, Kuala Lumpur dan setelah bertunang selama setahun setengah, kami memutuskan untuk berkahwin pada 31 Mei 2008," katanya.

Dalam pada itu, Noraini berkata, setelah enam tahun bergelar suami isteri, keluarganya kini sudah melengkapinya antara satu sama lain setelah dikurniakan dua cahaya mata iaitu Isma Qaisarra, 5, dan Isma Qadeeja berusia setahun.

"Syukur ke hadirat Allah di atas kurniaan dua zuriat ini yang mengeratkan lagi kasih sayang sekeluarga," katanya.

Berkongsi



Saya memasuki UPM terlebih dahulu daripada Noraini, jadi saya lebih tahu selok-belok persediaan untuk memasuki universiti, saya banyak membantu dia semasa di UiTM, di kesempatan itu saya meluahkan rasa cinta yang terbuku di hati.

keharmonian rumah tangganya, Noraini memberitahu sikap saling menghormati antara satu sama lain dan jujur dalam hubungan adalah perkara yang diamalkannya bersama suami. Baginya, sebagai seorang isteri, dia perlu bijak meletakkan sempadan antara urusan kerja dan rumah tangga.

kami



KEHADIRAN Isma Qaisarra dan Isma Qadeeja mengeratkan lagi kasih sayang Isma Mazni dan Noraini.